

07/02/2003

Pas ramal pilihan raya sebelum Oktober

KUALA TERENGGANU: Pas meramalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membubarkan Parlimen dalam tempoh terdekat bagi membolehkan pilihan raya umum ke-11 diadakan sebelum Oktober ini.

Pemangku Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata Pas kini sudah bersedia menghadapi pilihan raya dan pelancaran gerak kerja peringkat kebangsaan sudah dilakukan dua minggu lalu.

"Saya serta pemimpin tertinggi Pas sudah membuat lawatan sebagai persediaan ke seluruh negara," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat majlis Maidam, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Dr Mahathir yang menolak spekulasi bahawa pilihan raya umum akan diadakan sebelum beliau bersara Oktober ini.

Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu berkata, penafian Dr Mahathir itu adalah satu perangkap untuk menjerat parti pembangkang, khususnya Pas.

Sejak Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri 22 tahun lalu, katanya, belum pernah berlaku pilihan raya umum selepas cukup tempoh lima tahun.

"Sebab itulah saya suka meneliti kenyataan Dr Mahathir secara terbalik.

Kenyataan itu bukannya satu keputusan muktamad dan beliau boleh mengumumkan pilihan raya pada bila-bila.

"Hari ini dia (Dr Mahathir) mengumumkan pilihan raya tidak akan diadakan sebelum Oktober kerana mereka merasakan kedudukan Barisan Nasional (BN) belum kuat untuk menjamin kemenangan," katanya.

Abdul Hadi berkata, masalah dalaman yang berlaku dalam BN belum diselesaikan dan tidak hairanlah Presiden Umno itu mengatakan pilihan raya umum ke-11 tidak akan diadakan sebelum Oktober.

"Berdasarkan pengalaman lalu, Dr Mahathir hanya menangguhkan pilihan raya kerana dia tidak berjaya untuk menyelesaikan masalah dalaman dihadapi parti itu.

"Walau apapun alasan diberikan, Pas tetap meramalkan pilihan raya umum akan diadakan sebelum Oktober ini," katanya.

Beliau berkata, tanda awal pilihan raya umum akan diadakan sebelum Oktober sudah jelas apabila banyak isu-isu ditimbulkan terutamanya di Kelantan dan Terengganu.